



Backpack Menjelajah Dunia : Pencetus Perubahan Minda Melayu Muda

Muhammad Ashyraf bin Sulaiman

*Universiti Teknologi MARA Kedah, Kampus Merbok, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia
ashraf.lemon@gmail.com*

Abstrak

Mengembara atau istilah modennya dipanggil 'backpack' terutamanya kepada golongan muda telah menjadi budaya generasi belia remaja sekarang. Malah, jika diperhatikan hari demi hari, bilangan anak muda yang mengembara ke luar Negara sekarang amat menggalakkan. Industri penerbangan tambang murah seperti Air Asia seakan mendorong jiwa-jiwa muda dahagakan ilmu budaya dunia untuk terus terbang merealisasikan impian fantasi mereka. Pengembaraan anak-anak muda ini tidak hanya tertumpu kepada Negara berdekatan Malaysia seperti Indonesia, Singapura, Kemboja malah turut merangkumi Negara-negara benua Asia, Eropah, Amerika mahupun Benua Australia. Gaya secara backpack dipilih oleh golongan ini bukan sahaja disebabkan oleh kos yang murah, tetapi pada masa yang sama dapat mengetahui budaya dan cara hidup sesebuah masyarakat itu dengan lebih mendalam serta mudah. Melalui backpack sebegini, pelbagai budaya, adat, gaya hidup, nilai-nilai kemanusiaan serta kepelbagaian kerenah manusia dapat dilihat dan dihadap melalui perjalanan pengembaraan mereka ini. Selain itu, apabila mereka berada di suatu Negara yang berlainan budayanya, sudah tentu nilai-nilai murni yang dilihat juga berbeza caranya dan sedikit sebanyak akan mempengaruhi kehidupan pengembara ini sekembalinya mereka ke Negara asal Malaysia tercinta. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengetahui nilai-nilai murni mahupun nilai kemanusiaan yang baik yang dapat mereka kutip sepanjang pengembaraan mereka dan jadikan panduan mahupun pengajaran dalam kehidupan seharian setelah tamatnya tempoh pengembaraan mereka. Sebagai contoh, apabila seorang pengembara mengembara ke tanah Matahari Terbit ataupun Jepun, sudah tentu mereka akan berhadapan dengan budaya masyarakatnya yang amat patuh pada ketepatan masa. Kita mengetahui budaya rakyat Malaysia yang kurang menepati masa khususnya. Maka, dengan nilai menepati waktu yang dapat mereka pelajari dengan sekembalinya dari Negara Jepun itu sudah tentu dapat dipraktiskan dalam kehidupan seharian seterusnya menjadikan mereka modal insan kelas pertama yang lebih berdaya saing, berfikiran kognitif dan global. Kajian yang dilakukan ini bukan hanya memfokuskan satu nilai sahaja, tetapi turut menumpukan kepelbagaian nilai murni yang dapat mereka kutip serta bagaimana pengembara-pengembara ini mempelajari nilai-nilai yang mereka dapat dari Negara yang mereka jelajah itu serta kesan nilai itu terhadap kehidupan seharian mereka.

Keywords: backpack, perubahan, nilai-nilai murni, minda melayu

Pengenalan

Mengembara atau backpack dapat didefinisikan sebagai aktiviti ke luar Negara dengan perjalanan yang jauh dengan membawa barang-barang keperluan sahaja dengan beg yang disandang di belakang menggunakan perbelanjaan yang minimum atau dalam erti kata lain pengembaraan dalam keadaan berjimat. Semasa backpack, pengawalan perbelanjaan atau perancangan yang rapi mengenai kos atau bajet perjalanan amat dititikberatkan. Jika dilihat secara asasnya, backpack merupakan aktiviti pengembaraan yang tidak terikat dengan jumlah hari yang telah ditetapkan, tetapi backpack adalah pengembaraan yang perjalanannya mengfokuskan pencarian pengalaman kehidupan mahupun persilangan kebudayaan antara pengembara itu sendiri.

Kebanyakan pengembara yang dijumpai ataupun menjadikan backpack ini sebagai budaya mereka adalah terdiri daripada mereka berkulit putih atau masyarakat Barat sana. Memang tidak dinafikan, kebanyakan masyarakat Barat telah menjadikan backpack ini sebagai gaya hidup mereka sama ada setelah mereka habiskan pengajian mereka di sesebuah sekolah mahupun di universiti. Malah, terdapat dalam kalangan mereka yang bersusah-susah payah untuk bekerja lebih masa atau 'part time' semasa di bangku akademi demi mencari wang lebih untuk backpack secara sendirian mahupun bersama kawan-kawan. Puan Syazliyati dalam temubual bersamanya turut menyatakan semasa beliau belajar di Kent University, London, backpack telah menjadi budaya masyarakat sana bagi menambahkan pengalaman mereka terutamanya ketika cuti musim panas bermula.

Kini, backpack yang menjadi budaya masyarakat Barat seakan menjadi budaya baru kepada remaja mahupun anak-anak muda di Negara Malaysia sendiri untuk menjelajah dan melihat Negara luar dengan cara yang sama iaitu dengan menggunakan kos yang rendah atau sejiat yang mungkin. Mereka seakan-akan berani untuk mencari pengalaman melalui kesusahan ketika mereka mengharungi perjalanan mereka sendiri. Berjalan merupakan salah satu cara untuk menimba ilmu, melihat manusia bertingkah-laku serta meningkatkan darjat seseorang yang berilmu (Munir Ramli, 2011)

Pengalaman yang dikutip itu bukanlah pengalaman yang digaris, ditulis hitam putih seperti teori dalam kebanyakan buku-buku falsafah dalam almari sesebuah 'library', tetapi pengalaman yang dikutip melalui backpack ini menjadi pengajaran hidup, membentuk akhlak Melayu yang jati, membina semangat berdikari serta nilai 'survival' yang tinggi serta menambahkan lagi pemikir melayu yang berfikiran terbuka, yang silang budayanya luas bagi menggapai satu ketamadunan generasi yang berintelektual tinggi berasaskan pengalaman-pengalaman yang mereka hadapi menerusi perjalanan mereka sendiri.

Sejajar dengan itu, struktur kajian ini telah merangkumkan beberapa bahagian penting seperti: Pertama mengfokuskan latar belakang kajian, diikuti metodologi kajian, dapatan kajian seterusnya diakhiri dengan kesimpulan dan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk projek atau kajian-kajian seterusnya.

Latar Belakang Kajian

Kajian mengenai backpack menjelajahi dunia ini dijalankan untuk mengetahui kebaikan-kebaikan serta impak yang positif kepada pengembara-pengembara melayu muda setelah mereka backpack ke luar Negara. Dalam kajian ini, turut mengfokuskan bagaimana menerusi aktiviti backpack ini, mereka dapat menjadikan pengalaman yang mereka kutip sepanjang perjalanan backpack mereka itu sebagai pengajaran atau teladan buat mereka. Ini disebabkan oleh, kebiasaannya kebanyakan pengembara akan menghadapi kesusahan ataupun berbagai-bagai jenis masalah sepanjang perjalanan mereka. Kepayahan serta kesusahan mereka hadapi ini amat bermakna kerana ia bukan sahaja akan menjadikan mereka seorang yang lebih matang, tetapi pada masa yang sama juga membentuk keyakinan, serta mendedahkan mereka dengan dunia luar yang sebenar.

Terdapat berbagai-bagai cara untuk mereka hadapi dan menyelesaikan masalah itu bersendirian ataupun bersama-sama rakan (jika backpack secara kumpulan). Sebagai contoh, terdapat pengembara yang menghadapi masalah visa yang tidak dapat diluluskan oleh pihak imigresen sesebuah Negara dimana perkara ini berlaku terhadap seorang pengembara daripada Malaysia yang ingin memasuki Negara Vietnam daripada Kuala Lumpur. Apabila tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Tan Son Nhat, dia telah ditahan oleh imigresen Vietnam dan diarahkan untuk berpatah balik ke Kuala Lumpur. Jadi, daripada insiden ini terdapat berbagai-bagai kemungkinan dan sebab mengapa pengembara ini ditahan dan tidak dibenarkan untuk memasuki ke Negara Vietnam. Jadi, sebagai pengembara, pengalaman - pengalaman sebegini akan memastikan mereka lebih bersedia dan berani untuk berhadapan dengan sesuatu yang tidak dijangka.

Kajian yang telah dijalankan lebih kurang 4 tahun ini bermula daripada tahun 2012 turut mendedahkan betapa pentingnya untuk seseorang anak muda melayu terutamanya untuk mendapatkan jaringan hubungan antara anak muda yang berlainan Negara bagi kemudahan dan peluang di kemudian hari.

Sepanjang kajian ini dilakukan sebanyak 32 bandar utama telah dilawati untuk mendapatkan segala info serta silang budaya yang berlaku antara mereka serta pengembara-pengembara di seluruh dunia. Australia, China, Jepun, Kemboja, Singapura, Indonesia, Brunei, Vietnam, Myanmar dan beberapa Negara Asean lagi telah menjadi medan bagi mengutip pengalaman serta bertukar-tukar pandangan sesama mereka bagi mendapatkan suatu natijah yang memberikan impak yang berintelektual tinggi bagi melahirkan anak muda melayu yang berfikiran global.

Oleh itu, dengan adanya kajian sebegini, adalah diharapkan agar lebih ramai anak muda melayu yang akan keluar backpack ke dunia luar bagi menambahkan pengalaman serta merencanakan lagi rencah kehidupan mereka bagi menjadikan seorang belia yang berjiwa kental bagi menghadapi dunia maju serta arus transisi globalisasi yang tidak kenal usia kini.

Metodologi

Sepanjang kajian dilakukan, kaedah mengumpul maklumat secara temubual telah digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data daripada pengembara melayu muda dan juga daripada pengembara Negara lain. Temubua-temubual ini dilakukan semasa berjumpa dengan mereka ketika mereka sedang backpack di Negara luar dan intipati-intipati perbincangan itu telah direkodkan dan disimpan. Terdapat beberapa langkah untuk menjayakan kajian yang dilakukan ini.

Pertama, semua pengembara melayu atau bukan melayu yang ditemui di seluruh dunia ditemubual dan ditanya mengenai budaya backpack itu sendiri. Dimulai dengan aspek inspirasi untuk mengembara. Pengembara melayu ditanya dan berkongsi pengalaman mengenai bagaimana boleh tercetusnya inspirasi untuk backpack ke luar Negara sedangkan

jika dilihat, backpack merupakan cara yang paling sedikit yang dipilih oleh orang Melayu Malaysia terutamanya jika mahu melawat ke sesebuah Negara luar. Cara yang selalunya dipilih oleh masyarakat Melayu ke luar Negara selalunya menggunakan pakej. Oleh itu, alasan, sebab, serta mengapa mereka lakukan sedemikian ditanya semasa fasa pertama ini.

Kedua, setelah dapatnya inspirasi untuk backpack ke luar Negara, pengembara Melayu ini ditanya dan berkongsi pengalaman mereka mengenai cara menyusun bajet yang efektif bagi merealisasikan projek backpack ke luar Negara. Bajet yang rendah tetapi perjalanan yang pelbagai dan berhemah merupakan kunci kejayaan backpack. Oleh itu, kesemua cara menyimpan wang, bajet, perancangan perbelanjaan di Negara backpack, sehinggalah rahsia untuk mendapatkan duit lebih ditanya kepada mereka.

Ketiga, sudah semestinya berkenaan tips, jadual pengembaraan, kemahiran, pengalaman serta yang paling penting mengenai nilai-nilai kebaikan yang dapat mereka pelajari dan teladani mereka sepanjang backpack ke luar negara. Lain Negara, lain pengalamannya. Oleh itu, antara pengembara Melayu yang dijumpai bukanlah baru melawat satu atau dua Negara sahaja, tetapi ada antara mereka yang telah pernah menjejak kaki hampir keseluruhan benua dunia ini. Perbezaan budaya, cara komunikasi berbeza, kemahiran rundingan serta toleransi yang berguna adalah antara kunci dan resepi kejayaan mereka sepanjang hidup sebagai pengembara yang sempat ditanya kepada mereka.

Terakhir, pengembara-pengembara ini ditanya berkenaan apakah yang mereka lakukan setelah kembalinya daripada backpack. Terdapat sesetengah pengembara yang berkongsi pengalaman mereka melalui media social seperti blog, Facebook, Instagram dan banyak lagi. Tetapi, terdapat juga pengembara yang bukan sahaja berkongsi pengalaman mereka melalui media social ini, tetapi turut membawa kawan-kawan mereka untuk backpack ke tempat yang mereka telah pergi ataupun ke tempat yang baru.

Hasil Kajian

Sukar untuk menjumpai masyarakat Melayu yang menjelajah Negara luar dengan menggunakan konsep backpack. Seperti sedia maklum, pakej merupakan pilihan kebanyakan orang kita, orang Melayu. Tetapi, apa yang agak mengejutkan ialah bilangan pengembara Melayu yang menggunakan konsep backpack ini semakin meningkat dari masa ke masa.

Apabila desilidik dengan teliti, hampir kesemua backpack Melayu menyatakan bahawa mereka terinspirasi untuk menjelajah secara backpack disebabkan oleh cerita – cerita serta pengalaman yang dititipkan oleh pengembara sebelum ini melalui media massa seperti Facebook, Instagram mahupun blog (Muhammad Luthfi, 2015). Blog merupakan sumber inspirasi yang paling berkesan untuk menginspirasi kepada pengembara yang baru ini untuk turut ke Negara tersebut. Sebagai contoh, antara blog pengembara Melayu yang popular dan menjadi rujukan ramai backpack adalah seperti Backpackers Busuk, Tepak Sireh dan lain-lain lagi.

Selain itu, cerita-cerita oleh pengembara luar Negara yang ditemui pengembara Melayu muda ini juga turut menjadi inspirasi utama kepada mereka. Jika ingin dibandingkan dengan keberanian serta semangat pengembara Eropah, sudah tentu pengembara Melayu kalah. Terutamanya yang jangka masa backpack mereka yang mengjangkau sebulan, 6 bulan sehingga ada yang menghabiskan bertahun-tahun untuk mengelilingi dunia. Ini adalah biasa bagi mereka. Pengalaman yang mereka lalui serta suasana backpack yang mereka rasai semestinya hebat dan bervariasi. Oleh itu, terdapat sesetengah pengembara Melayu muda yang bijak akan berkawan dan bertanyakan pengalaman-pengalaman berharga ini.

Pengalaman-pengalaman ini merupakan sumber premier yang sangat berkesan untuk terus menginspirasi pengembara Melayu terus keliling mengembara dunia.

Selain itu, kehadiran penerbangan tambang murah sekitar tahun 2010 seperti Air Asia merancakkan lagi industri pelancongan pada masa sekarang. Kadang-kadang, agak sukar untuk mepercayai tiket pergi dan balik ke Melbourne jika kena pada masanya boleh disambar dengan harga sekitar RM 680 sahaja. Harga ini termasuklah bagasi 20kg, makanan dalam penerbangan dan caj-caj lain serta cukai. Dan semestinya, pengembara secara backpack turut termasuk dalam golongan yang sentiasa memburu tiket-tiket murah untuk terus terbang ke Negara luar seperti Jepun, Korea, Asean, India mahupun Australia. Jika dahulu, Korea dan Australia dilihat hanya golongan berkolar putih, professional ataupun masyarakat berbisnes sahaja mampu untuk ke sana. Tetapi tidak sekarang. Dapat dikatakan dengan adanya penerbangan murah atau bajet seperti Air Asia ini menjadi faktor utama pengembara dapat merealisasikan impian mereka. 'Everyone Can Fly'! Ya, tagline ini seakan menjadi realiti kepada siapa yang mahu realisasikan fantasi.

Setelah tiket penerbangan ditempah, perkara pokok yang menjadi topik berjaya atau gagal nya sesebuah backpack itu ialah mengenai bajet yang dirancang awalnya. Jika betul cara kerja dan perancangannya, maka realisasilah destinasi yang ingin ditujui selama ini. Hasil perbualan dengan seorang pengembara yang masih belajar di IPTA, pelajar ini menyatakan bahawa walaupun beliau bergantung perbelanjaan kepada dana pendidikan seperti PTPTN sahaja, tetapi dengan usaha cermat dalam perbelanjaan harian telah menyebabkan beliau dapat mengelilingi duni apabila tibanya cuti semester.

Secara asasnya, pelajar ini menyatakan bahawa, dia akan bahagikan dua fasa dalam setahun bagi membolehkan dia mengembara atau backpack. Pada semester pertama wang PTPTN, beliau akan rebut untuk beli tiket yang paling murah Air Asia sediakan semasa promosi 'Zero Fares'. Sebagai contoh, semasa tahun 2013, dia telah berjaya menempah tiket penerbangan Air Asia pergi dan balik ke Guilin, China dengan harga RM 289 sahaja termasuk bagasi. Kemudian, wang PTPTN yang diterima pada semester kedua diperuntukkan sedikit untuk perbelanjaan ke sana. Oleh itu, dengan perancangan yang rapi serta sistematik ini bukan sahaja membolehkan pelajar ini timba pengalaman di luar sana, tetapi turut menjadikan backpack ini sebagai bilik darjah utama bagi mempelajari nilai kehidupan yang sebenar. Pengajaran yang baik, mereka teladani manakala sikap yang buruk mereka jadikan sempadan semasa mengembara.

Memang tidak dinafikan bahawa aspek kedua penting bagi menampung keselesaan semasa backpack adalah dengan perbelanjaan atau bajet yang selesa. Jadi, bekerja secara separuh masa atau 'part time' sudah tentu dapat menampung jumlah perbelanjaan itu. Malah, bekerja separuh masa ini selalunya menjadi budaya kepada kebanyakan pengembara bukan sahaja di Malaysia tetapi turut dipraktikkan di seluruh dunia bagi mendapatkan wang saku lebih.

Semasa berada di Sydney, seorang pengembara yang juga merupakan pelajar di sebuah universiti terkemuka di Melbourne (RMIT University, Melbourne) menyatakan bahawa dia akan bekerja sebagai pelayan restoran di Restoran Melayu Norsiah di Swanston Street, Melbourne bagi mendapatkan duit lebih. Ketika dijumpai di Sydney, beliau menyatakan bahawa duit perbelanjaan backpack ke Sydney adalah hasil titik peluh dia sendiri. Sama juga pengalaman seorang pelajar universiti tempatan iaitu di UiTM yang menjadikan menjalankan perniagaan kecil-kecilan sebagai cara untuk meningkatkan pendapatan tambahan. Pelajar ini menjual kad prabayar telefon kepada semua penghuni kolej. Walaupun aktiviti dan tindakan pelajar ini salah di sisi undang-undang, tetapi dia berjaya menjadikan Guangzhou sebagai tempat untuk backpack setelah berpenah lelah berniaga.

Oleh itu, kebijaksanaan serta kerajinan mencari wang saku lebih akan mempercepatkan lagi proses untuk para pengembara Melayu muda ini merealisasikan impian mereka.

Setelah perbelanjaan dirancang sepenuhnya, kini tibalah masa untuk mereka rangkakan tentatif yang sesuai serta mudah untuk mereka turuti. Tentatif di sini bukanlah bermaksud suatu kawalan terhadap mereka untuk pergi ke suatu tempat dari satu tempat yang lain, tetapi tentatif ini menjadi panduan asas untuk mereka tujui apabila mereka tiba di sesebuah Negara tersebut. Kebiasaanya, tentative yang dirangka oleh pengembara ialah berkenaan tempat yang mereka ingin jelajah pada hari-hari tertentu. Walaubagaimanapun, masa untuk mereka habiskan di satu tempat itu bergantung kepada kemahuan mereka. Jika mereka rasakan tempat yang mereka lawati itu menarik, cantik, mereka boleh berada di situ dengan lebih lama. Dalam erti kata lain, mereka bebas untuk menentukan masa mereka sendiri. Ini sudah tentu akan mengajar mereka untuk tidak terlalu bergantung kepada orang lain, tetapi mereka sendiri dapat mengatur perjalanan pengembaraan mereka itu kepada kesesuaian dan keselesaan masa mereka sendiri.

Sekalipun begitu, pembacaan pengalaman pengembara lain dari satu blog ke satu blog berkenaan tempat yang ingin kembara adalah sangatlah penting. Gambaran sebenar serta tempat-tempat yang pengembara sebelum dilawati akan mencorakkan pola pengembaraan baru nanti. Sebagai contoh, perkongsian seorang pengembara Melayu muda ke Beijing, China. Dia menyatakan bahawa bacaan terperinci dari setiap blog mengenai pengalaman mereka sangat mempengaruhi apabila dia berbackpack di Beijing. Tempat tinggal yang murah, makanan halal, tempat menarik untuk dilawati, harga tiket, serta banyak aspek lagi diperolehi daripada pembacaan di blog-blog tersebut.

Selain blog, info-info daripada kumpulan Backpackers Buddies Malaysia (BBM) turut membantu melancarkan itinerary atau jadual perjalanan yang ingin dirangka. Dengan adanya info serta pengalaman tersebut, dia dapat menjimatkan masa dengan mengembara ke tempat yang menarik serta mengelak daripada ditipu sepanjang backpack di Beijing China. Misalnya, semasa dia berada di Zoo Beijing, jika tidak menggunakan kad pelajar, harga tiket yang perlu dibeli ialah bernilai RM 30. Tetapi, dengan adanya info daripada pengalaman pengembara sebelum ini, dengan menunjukkan kad pelajarinya, harga masuk ke Zoo Beijing hanyalah RM 15 sahaja. Penjimatan sangat penting ketika backpack. Oleh itu, tip-tip ini sangat membantu.

Semasa backpack, pelbagai corak pemikiran manusia serta budaya dapat dilihat, dipelajari, serta dijadikan teladan jika baik, tetapi dijadikan sempadan jika mudaratkan diri (Nazali Noor, 2013). Begitu juga mengenai perubahan sikap, isu ini sangatlah subjektif kerana lain orang, lain pendapat serta impak backpack kepada mereka. Tetapi, kebanyakan pengembara Melayu ditemui lebih kurang 70% yang berjaya backpack ke luar Negara atau mengelilingi dunia dapat berubah kepada sikap yang lebih baik daripada sebelumnya. Sebagai contoh, kebanyakan pengembara-pengembara yang backpack ke Negara matahari terbit, Jepun cenderung untuk melakukan sesuatu tepat pada masanya. Hal ini disebabkan oleh budaya orang Jepun itu sendiri yang cukup mementingkan masa apabila melakukan sesuatu. Seorang pengembara yang dijumpa menyatakan bahawa, walaupun 30 saat terlewat di Negara berteknologi tinggi itu terutamanya dalam mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam, anda akan ditinggalkan begitu sahaja. Tiada istilah menunggu atau 'wait for me' dalam kamus kehidupan orang Jepun. Anda terlewat walaupun 1 saat, anda perlu menunggu giliran seterusnya.

Walaubagaimanapun, setelah kajian dilakukan, perubahan sikap bukanlah satu-satunya impak positif yang mereka kutip sepanjang pengembaraan yang telah mereka jayakan. Tutur bicara, tingkah laku, adab sopan, hormat-menghormati serta kematangan dalam melakukan sesuatu turut menyumbang ke arah perubahan mereka menjadi generasi

intelektual Melayu yang lebih baik. Lain Negara, lain budayanya. Jika tadi disebut budaya Jepun yang sangat mementingkan masa, tetapi apabila beralih ke Negara Barat pula seperti Eropah, lain cara dan budayanya.

Semasa di benua Eropah dan Australia, budaya mereka seakan-akan lebih kepada berterus terang dan tiada perkara yang ingin ditanya, disimpan dahulu. Seorang pengembara daripada Kedah ketika berada di Brighton Beach, Melbourne telah berkongsi pengalaman beliau semasa beliau sediakan makan malam di dapur penginapan, seorang wanita Perancis, seorang lagi daripada German serta dua lelaki daripada Britain berkongsi pendapat mereka mengenai agama Islam. Walaupun terjadinya sedikit pergeseran pendapat apabila wanita Perancis cuba meluahkan apa yang dia tidak berpuas hati mengenai peraturan Islam, tetapi, pergeseran itu hanya pada masa itu sahaja. Apa yang mereka tidak faham, terus mereka tanyakan kepada pengembara Melayu Kedah itu. Malah, masalah itu tidak dibawakan ke hari seterusnya ataupun berlarutan, tetapi, isu tersebut diselesaikan pada malam itu juga. Kesan setelah isu tersebut diterangkan oleh pengembara daripada Kedah itu secara berhemah telah menyebabkan semua pengembara daripada Perancis, Jerman serta Britain pada malam tersebut kagum dan kembali hormat peraturan yang ditetapkan Islam, Allah swt.

Sebelum meninggalkan mereka, beberapa pertanyaan mengenai harapan dan perkara yang akan dilakukan ditanya kepada semua pengembara Melayu yang dijumpa. Ada sesetengah pengembara Melayu yang ingin menginspirasi lebih ramai lagi pengembara daripada pemuda mahupun belia Melayu itu sendiri. Ada antara mereka yang akan titipkan pengalaman mereka menerusi blog-blog sendiri. Terdapat beberapa pengembara Melayu yang dijumpai di Tokyo, Guangzhou dan Jakarta yang ingin bukukan semua pengalaman serta cerita sepanjang tempoh backpack atau pengembaraan mereka.

Tetapi, terdapat seorang pengembara bernama Adam yang ditemui di Beijing, China pada tahun 2012 yang ingin membawa rakan-rakannya untuk mengembara ke seluruh dunia. Dan apa yang sangat mengejutkan ialah setelah bertemu dengannya pada tahun 2014 yang lepas, dia telah berjaya membawa beberapa orang rakan kelasnya semasa menuntut di UiTM dalam jurusan Diploma Pengajian Perniagaan untuk backpack ke beberapa Bandar besar seperti Guangzhou, Beijing, Melbourne, Sydney, Singapura, Bangkok, Krabi, Bandung, Jakarta, Guilin serta beberapa Negara Asean lagi.

Tidak semua rakan-rakannya dibawa sekali ke suatu tempat. Tetapi dia memilih untuk membawa dua sehingga tiga orang apabila backpack ke suatu tempat. Sebagai contoh, dalam backpack ke Krabi pada tahun yang lepas, dia membawa sebanyak dua orang rakan kelasnya ke sana. Mereka diajar kembali bagaimana ingin merangka tentative perjalanan sendiri, cara menempah tiket penerbangan sendiri serta pelbagai kemahiran backpack. Walaubagaimanapun, terdapat juga group backpack yang diketuai oleh saudara Adam sendiri seperti Misi Menakluki 7 Keajaiban Dunia ke Great Wall of China. Seramai 11 orang peserta berjaya mengharungi perjalanan selama 10 hari ke Great Wall of China serta meneruskan misi ke selatan China, iaitu Guangzhou dengan menaiki kereta api sahaja.

Kesimpulan

Semua pengalaman serta ilmu yang mereka dapat sepanjang perjalanan dan pengembaraan ada yang direkod melalui blog-blog mereka dan ada pengembara yang hanya berkongsi semua pengalaman itu melalui perkongsian secara verbal atau lisan sahaja. Oleh itu, dengan adanya kajian sebegini untuk merekod pengalaman-pengalaman

ini secara tidak langsung dapat melestarikan budaya backpack dalam kalangan pengembara melayu muda itu sendiri.

Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa keagungan budaya serta adat melayu yang berlandaskan agama Islam dapat dicontohi serta dikagumi seantero dunia dengan perlakuan sopan serta beradab oleh pengembara-pengembara melayu muda ini ketika backpack mengelilingi dunia. Asimilasi budaya antara Negara serta bangsa juga dapat meningkatkan lagi nilai sesebuah ketamadunan itu sendiri. Tidak semua adat dan budaya sesebuah Negara atau bangsa itu adalah yang terbaik. Tetapi, apabila ia dikongsi serta mengalami proses asimilasi yang positif, maka budaya serta adat itu dapat membentuk generasi yang berintelektual tinggi dan pencetus perubahan minda melayu muda kepada pemikiran kelas pertama.

Rujukan

Munir Ramli (2011). *Rindu eropah tawan damascus*. Selangor: Group Buku Karang kraf.

Nazali Noor (2013). *Ulu yam di Liverpool*. Selangor: Alaf 21.

Hello sydney backpacker busuk <http://backpackerbusuk.blogspot.my/> retrieved 7 October 2013

Muhammad Luthfi Rohime (2015). *Catatan matluthfi*. Selangor: Puteh Press